

Usul yang telah dipersetujui untuk diselesaikan di peringkat Jabatan masing-masing semasa Mesyuarat Pra MBJ Bil.2 Tahun 2022 bertarikh 28 Julai 2022.

Bil.	USUL	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN / SYOR
1.	Terdapat kakitangan yang mana sebahagian cuti rehat yang terkumpul telah luput kerana melebihi tempoh.	Tiada pengetahuan tentang terdapat tempoh masa pengumpulan cuti rehat yang boleh luput.	Jabatan memberi penerangan mengenai cuti rehat yang terkumpul.	<ul style="list-style-type: none"> i. Mesyuarat bersetuju Jabatan mengadakan program ceramah untuk memberi kesedaran kepada pegawai dan kakitangan berkenaan prosedur dan kelayakan cuti. ii. Pihak Pekerja bersetuju pihak Jabatan mengeluarkan e-mel dalam bentuk info grafik sebagai makluman dan kesedaran kepada semua pegawai dan kakitangan. iii. Usul ini diselesaikan di peringkat Pihak Pekerja dan Jabatan sahaja.
2.	Mengadakan acara Sukan Tahunan Jabatan Insolvensi Malaysia. Pertandingan antara kontinjen mengikut zon (utara, selatan, timur dan barat).	Acara sedemikian memberi faedah dari segi mental dan fizikal.	Jadikan sebagai acara tahunan, seperti mengadakan pertandingan antara kontinjen mengikut zon (utara, selatan, timur dan barat). Dilaksanakan setiap tahun selama 3 hari 2 malam mengikut kesesuaian.	<ul style="list-style-type: none"> i. Mesyuarat mengambil maklum bahawa aktiviti sedemikian sangat berfaedah. Bukan sahaja dari segi mental dan fizikal, tetapi acara sebegini dapat mengeratkan hubungan dan menjalin kerjasama sesama pegawai dan kakitangan. ii. Walau bagaimanapun, acara besar-besaran sedemikian memerlukan peruntukan kewangan yang agak besar dan dikhuatiri

Usul yang telah dipersetujui untuk diselesaikan di peringkat Jabatan masing-masing semasa Mesyuarat Pra MBJ Bil.2 Tahun 2022 bertarikh 28 Julai 2022.

Bil.	USUL	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN / SYOR
				<p>akan membebankan pegawai dan kakitangan.</p> <p>iii. Mesyuarat bersetuju, aktiviti sukan dilaksanakan diperingkat negeri atau cawangan terlebih dahulu kerana kekangan kewangan.</p> <p>iv. Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan diperingkat Pihak Pekerja dan Jabatan sahaja.</p>
3.	Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)	Kesibukan dan bebanan kerja, terdapat pegawai dan kakitangan yang mengalami tekanan di tempat kerja.	Mengadakan program rakan pembimbing di Negeri atau Cawangan untuk membantu pegawai dan kakitangan khususnya dalam masalah psikologi.	<p>i. Mesyuarat bersetuju program yang dicadangkan sangat bermanfaat dan dapat membantu pegawai/kakitangan yang mengalami tekanan di tempat kerja.</p> <p>ii. Walau bagaimanapun, perlu menugaskan seorang pegawai AKRAB di setiap negeri/cawangan yang mana pegawai berkenaan juga mungkin akan terbeban dengan tugas hakiki yang sedia ada.</p> <p>iii. Oleh itu, Mesyuarat bersetuju Jabatan membuat hebahan kepada semua pegawai dan kakitangan untuk menghadiri kursus</p>

Usul yang telah dipersetujui untuk diselesaikan di peringkat Jabatan masing-masing semasa Mesyuarat Pra MBJ Bil.2 Tahun 2022 bertarikh 28 Julai 2022.

Bil.	USUL	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN / SYOR
				<p>psikologi untuk ditauliahkan sebagai rakan pembimbing (AKRAB) yang dianjurkan oleh JPM (Unit Psikologi).</p> <p>iv. Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan diperingkat Pihak Pekerja dan Jabatan sahaja.</p>
4.	<p>Permohonan daripada Kesatuan Penolong Pegawai Undang-Undang (KPPUU) Semenanjung Malaysia untuk mengadakan perjumpaan dengan Ketua Pengarah BHEUU.</p>	<p>Mesyuarat Kebangsaan Bersama (MKB) pada 13.7.2022 mencadangkan pihak JPA untuk mendapatkan pandangan daripada Ketua Perkhidmatan berkaitan kertas kerja yang diangkat oleh KPPUU.</p>	<p>Pihak Pekerja ingin mendapatkan pandangan lanjut berhubung usul ini.</p>	<p>i. Mesyuarat bersetuju pihak KPPUU menghantar surat permohonan untuk mengadakan suatu temujanji dengan Ketua Pengarah BHEUU.</p> <p>ii. Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan di peringkat Pihak Pekerja.</p>
5.	<p>Cuti tanpa rekod untuk menjaga anak di wad hospital.</p>	<p>Ibu Bapa yang menjaga anak di wad hospital terpaksa mengambil Cuti Rehat.</p>	<p>Mewujudkan Cuti Tanpa Rekod kepada Ibu Bapa bagi tujuan menjaga anak yang di hospital.</p>	<p>i. Mesyuarat bersetuju bahawa semua kelayakan dan jenis cuti adalah tertakluk kepada Arahan Pekeliling yang sedia ada.</p> <p>ii. Pegawai boleh mengambil Cuti Tanpa Gaji bagi tujuan menjaga anak di hospital, walau bagaimanapun tertakluk kebenaran daripada Ketua Jabatan masing-masing.</p> <p>iii. Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan</p>

Usul yang telah dipersetujui untuk diselesaikan di peringkat Jabatan masing-masing semasa Mesyuarat Pra MBJ Bil.2 Tahun 2022 bertarikh 28 Julai 2022.

Bil.	USUL	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN / SYOR
				<p>di peringkat Pihak Pekerja dan Jabatan.</p> <p>iv. Mesyuarat juga bersetuju, Jabatan mengeluarkan e-mel atau edaran sebagai makluman kepada semua pegawai dan kakitangan.</p>
6.	Beban kerja.	Pertambahan kes tidak seimbang dengan tenaga kerja yang ada.	Menetapkan pembahagian beban kerja adalah berasaskan jumlah kes aktif. Perlukan pengisian kekosongan dipenuhi segera dan pertambahan perjawatan.	<p>i. Mesyuarat mencadangkan Pengarah Negeri membawa isu ini kepada Ketua Jabatan untuk kajian selanjutnya.</p> <p>ii. Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan diperingkat Pihak Pekerja dan Jabatan.</p>
7.	Mengadakan kursus Pra Persaraan untuk bakal pesara wajib secara fizikal	Kursus Pra Persaraan sebelum ini dilaksanakan secara dalam talian. Dicadangkan selepas ini Kursus tersebut dilaksanakan secara fizikal (bersemuka) kerana ianya lebih berkesan sebagai persediaan mental, fizikal dan kewangan bakal pesara	Mencadangkan pihak Ibu Pejabat (Mdl) atau BHEUU mengadakan Kursus Pra Persaraan secara fizikal bagi memastikan taklimat yang disampaikan lebih berkesan.	<p>i. Mesyuarat bersetuju usul yang dibangkitkan boleh dilaksanakan.</p> <p>ii. Pihak Pekerja bersetuju pihak Jabatan mempertimbangkan untuk mengadakan program Pra Persaraan.</p> <p>iii. Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan di peringkat Pihak Pekerja dan Jabatan.</p>

Usul yang telah dipersetujui untuk diselesaikan di peringkat Jabatan masing-masing semasa Mesyuarat Pra MBJ Bil.2 Tahun 2022 bertarikh 28 Julai 2022.

Bil.	USUL	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN / SYOR
8.	Mewujudkan Pegawai Perkhidmatan Pelanggan.	Pegawai yang sedia ada terganggu tugas apabila perlu berjumpa pelanggan yang hanya ingin bertanya status permohonan atau penerangan dalam pengurusan pentadbiran kes	Perwujudan pegawai ini yang boleh menjawab persoalan pelanggan mengikut aturan kerja jabatan boleh mengurangkan gangguan kepada pegawai fail dan memberi fokus kepada pegawai untuk menyelesaikan sesuatu tindakan kerja dengan lebih pantas.	<p>i. Mesyuarat bersetuju pihak Negeri/ Cawangan mencadangkan pekerja My Step sebagai Pegawai Perkhidmatan Pelanggan.</p> <p>ii. Pihak Negeri/ Cawangan mencadangkan skop tugas My Step diluaskan dan mengangkat cadangan tersebut untuk pertimbangan dan kelulusan pihak pengurusan.</p> <p>iii. Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan di peringkat Pihak Pekerja dan Jabatan.</p> <p>iv. Pihak Pekerja bersetuju Jabatan mengambil maklum berhubung usul ini.</p>
9.	Pemandu kenderaan Jabatan	Tiada jawatan Pemandu. Pegawai jabatan perlu memandu kenderaan jabatan atas urusan rasmi jabatan secara berkala. Ini mengganggu tugas-tugas hakiki pegawai di pejabat.	Dengan adanya pemandu jabatan, pegawai tidak perlu meninggalkan tugas hakiki secara berkala sekaligus tugas-tugas dipejabat dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.	<p>i. Mesyuarat bersetuju supaya kebenaran diberikan kepada lebih ramai pegawai dan tugas dibuat secara giliran agar tidak tertumpu kepada seorang pegawai sahaja.</p> <p>ii. Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan di peringkat Pihak Pekerja dan Jabatan.</p> <p>iii. Pihak Pekerja juga bersetuju, Jabatan mengambil perhatian terhadap usul ini.</p>

Usul yang telah dipersetujui untuk diselesaikan di peringkat Jabatan masing-masing semasa Mesyuarat Pra MBJ Bil.2 Tahun 2022 bertarikh 28 Julai 2022.

Bil.	USUL	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN / SYOR
10.	Tuntutan bayaran parkir kereta bagi pegawai yang bertugas di Cawangan Kuala Lumpur.	Bayaran parkir di Kuala Lumpur adalah sebanyak RM150.00 sebulan dan jumlah tuntutan yang dibenarkan hanya RM90.00 sahaja. Pegawai perlu menampung baki bayaran parkir tersebut setiap bulan dan ini agak membebankan pegawai.	Dicadangkan agar bayaran tuntutan parkir dinaikkan sehingga RM150.00 sebulan.	<ul style="list-style-type: none"> i. Mesyuarat memaklumkan bahawa keputusan bayaran parkir kepada pegawai adalah keputusan dasar Jabatan berdasarkan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan. ii. Mesyuarat bersetuju sekiranya usul ini hendak diangkat ke Mesyuarat MBJ, dicadangkan suatu kajian yang lebih mendalam diadakan beserta suatu justifikasi untuk dipertimbangkan oleh Jabatan. iii. Mesyuarat bersetuju usul ini belum sesuai untuk dibawa sehingga suatu kajian dibuat.
11	Elaun cermin mata.	Kekerapan pegawai yang kebanyakan masa perlu bekerja di depan computer, antara penyumbang pegawai mengalami rabun.	Dicadangkan kebenaran kepada pegawai untuk membuat tuntutan elaun cermin mata.	<ul style="list-style-type: none"> i. Usul ini pernah dibincangkan dan suatu keputusan telah dibuat yang mana pihak JPA mencadangkan suatu kajian dibuat terhadap cadangan untuk membenarkan tuntutan elaun cermin mata. ii. Mesyuarat bersetuju usul in belum sesuai dibawa ke Mesyuarat MBJ.

Usul yang telah dipersetujui untuk diselesaikan di peringkat Jabatan masing-masing semasa Mesyuarat Pra MBJ Bil.2 Tahun 2022 bertarikh 28 Julai 2022.

Bil.	USUL	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN / SYOR
12.	Arahan atau tugas tidak berjalan dengan lancar kerana tiada komunikasi antara pegawai atasan dan bawahan.	Tiada komunikasi antara pegawai atasan dan bawahan yang menyebabkan kelancaran dalam mengendalikan suatu tugas atau arahan terjejas.	Dicadangkan mengadakan suatu program yang boleh menggabungkan semua pegawai atasan dan bawahan agar lebih harmoni dan kerjasama.	<ul style="list-style-type: none"> i. Mesyuarat mengambil perhatian usul yang dibangkitkan tersebut kerana komunikasi antara pegawai adalah amat penting demi kualiti perkhidmatan Jabatan. ii. Mesyuarat bersetuju sekiranya suatu program seperti aktiviti sukan atau riadah diadakan di peringkat Negeri/Cawangan sebagai salah satu cara untuk mengatasi masalah kekurangan komunikasi antara pegawai atasan dan bawahan. iii. Pihak Pekerja bersetuju Jabatan mengambil perhatian dan makluman yang serius terhadap usul ini. iv. Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan di peringkat Pihak Pekerja dan Jabatan.
13.	Jawatan Pembantu Tadbir (Dasar)	Pegawai KUP N22 menjalankan kerja-kerja hakiki Pembantu Tadbir.	Mencadangkan pegawai KUP N22 dilantik terus ke jawatan yang sedia ada.	<ul style="list-style-type: none"> i. Mesyuarat memaklumkan bahawa kerja-kerja yang dilaksanakan adalah seiring dengan jawatan yang disandang sebagai KUP N22. Oleh itu, tiada isu bebanan tugas kerana elaun dibayar kepada penyandang KUP.

Usul yang telah dipersetujui untuk diselesaikan di peringkat Jabatan masing-masing semasa Mesyuarat Pra MBJ Bil.2 Tahun 2022 bertarikh 28 Julai 2022.

Bil.	USUL	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN / SYOR
				ii. Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan di peringkat Pihak Pekerja dan Jabatan.
14.	Pusingan Kerja	Tiada ketelusan dalam pusingan kerja. Masih terdapat pegawai yang berada di suatu unit/seksyen dalam satu tempoh yang lama.	Dicadangkan pusingan kerja terpakai kepada semua pegawai dan tiada pilih kasih.	i. Mesyuarat bersetuju agar Jabatan mendapatkan suatu statistik tempoh setiap pegawai berada dalam suatu unit/seksyen. ii. Mesyuarat juga memaklumkan terdapat sesetengah pegawai yang pakar (<i>subject matter expert</i>) dalam suatu bidang yang menyebabkan pertukaran atau perpindahan pegawai tersebut tidak dilaksanakan. iii. Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan di peringkat Pihak Pekerja dan Jabatan.
15.	Baju Korporat	Tidak ditawarkan dengan Baju Korporat Jabatan.	Dicadangkan semua pegawai perlu ada Baju Korporat.	i. Mesyuarat bersetuju pegawai yang masih tiada Baju Korporat membuat permohonan kepada Bahagian Sumber Manusia. ii. Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan di peringkat Pihak Pekerja dan Jabatan.